UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
*The National University of Malaysia*

Fakulti Perubatan | Faculty of Medicine

UKM FPR/224/2
02 Ogos 2019

# PEKELILING PENTADBIRAN FAKULTI PERUBATAN BIL. 03/2019

Ketua Jabatan/Pusat/Unit
Semua Kakitangan Akademik
Fakulti Perubatan
Universiti Kebangsaan Malaysia

Y.Bhg. Prof./Datuk/Dato'/Datin/Prof. Madya/Dr,

**PERMOHONAN KENAIKAN PANGKAT SKIM PERKHIDMATAN PENSYARAH PERUBATAN (PAKAR) KE GRED DU55/56 DAN PROSEDUR KERJA & TATACARA PERMOHONAN**

Adalah dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas serta Pekeliling Pendaftar Bil.9/2019 bertarikh 25 Jun 2019 adalah berkaitan.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) Bil 4/2019 pada 4 April 2019 telah meluluskan kriteria kenaikan pangkat Skim Perkhidmatan Pensyarah Perubatan (Pakar) ke Gred DU55/56 dan Pensyarah Pergigian (Pakar) DUG55/56 untuk dilaksanakan berkuat kuasa mulai tahun 2019.

3. Justeru itu, Y.Bhg. Prof./Datuk/Dato'/Datin/Prof. Madya/Dr dipelawa untuk menghantar permohonan berpandukan proses yang telah diluluskan kepada Ketua Pentadbiran Fakulti Perubatan untuk diproses terlebih dahulu sebelum pihak Sekretariat Pentadbiran Fakulti menghantar ke Bahagian Sumber Manusia, Jabatan Pendaftar UKM Bangi. Bersama-sama ini disampaikan dokumen yang berkaitan untuk tindakan dan makluman pihak Y.Bhg. Prof./Datuk/Dato'/Datin/Prof. Madya/Dr. Dokumen-dokumen tersebut adalah :

a) **Lampiran A : Pekeliling Jabatan Pendaftar Bil 9/2019** (Surat & Kriteria)
b) **Lampiran B : Borang Permohonan** (boleh di muat turun di laman web Fakulti Perubatan)
c) **Lampiran C : Senarai Semak Permohonan** (boleh di muat turun di laman web Fakulti Perubatan)

4. Sebarang maklumat lanjut, Y.Bhg. Prof./Datuk/Dato'/Datin/Prof.Madya/Dr boleh menghubungi urusetia di peringkat Fakulti Perubatan iaitu Dr. Rosma Ayu Harun (Ketua Pentadbiran) di talian 0391455087/ email ayu77@ukm.edu.my atau Encik Mohd Razali Adon di talian 03-9145 5024 / email razali@ukm.edu.my.

Kerjasama Y.Bhg. Prof./Datuk/Dato'/Datin/Prof.Madya/Dr berhubung perkara ini adalah amat dihargai dan diucapkan ribuan terima kasih.

Sekian.

Yang menjalankan amanah,

**DR ROSMA AYU BT HARUN**
Eksekutif Kanan (Ketua Pentadbiran)
Fakulti Perubatan

s.k. - Y.Bhg. Prof. Dr. Raja Affendi Raja Ali
Dekan, Fakulti Perubatan, UKM

- Puan Zoraini Ibrahim
Pengurus Kanan
(Menanggung Tugas Timbalan Pengarah)
Bahagian Sumber Manusia, Jabatan Pendaftar Bangi

- Puan Rohazaini Hassan
Timbalan Pengarah (Pentadbiran)
Jabatan Pendaftar, Kampus Kuala Lumpur



Sekretariat Pentadbiran Fakulti Perubatan, Pusat Perubatan UKM
Tingkat 2, Kompleks Pendidikan Perubatan Canselor Tuanku Ja'afar, Jalan Yaacob Latif, Bandar Tun Razak,
56000 Cheras, Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon:**+603-91455019/5020/5024/5747** Faksimili:**+603-91456646** Laman Web: **http://www.ppukm.ukm.edu.my/fper**